



Avillion Tawar Hotel Terbaik ke Cameron Highlands



KUMPULAN Hotel Avillion Sdn Bhd memperkenalkan hotel kelima mereka, Avillion Cameron Highlands di Tanah Rata, hari ini, yang bakal memberi kepuasan kepada pengunjung dari segi perkhidmatan, ruang dan harga.

Dengan menawarkan lima jenis bilik bermula harga RM350 hingga RM800, pengurusan hotel menasaskan 50,000 pengunjung sepanjang tahun 2018.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutifnya Amirul Baharom berkata, pihaknya menawarkan 100 bilik yang sesuai untuk semua kumpulan pengunjung seperti keluarga, pasangan dan individu perseorangan.

"Bilik kami sesuai untuk semua golongan pengunjung, sama ada 'backpacker', berkumpulan atau syarikat korporat kerana kami mementingkan keluasan bilik, harga berpatutan dan mutu perkhidmatan yang tinggi.

"Pihak kami juga sedang mempromosikan hotel ini kepada pengunjung dari luar negara. Dalam masa sama mempromosikan tarikan di Cameron Highlands sendiri," katanya.

Beliau berkata, lima jenis bilik yang disediakan adalah superior studio, deluxe studio, suite dua bilik, famili suite dan suite premium dua bilik.

"Kemudahan lain yang disediakan adalah dua bilik mesyuarat yang boleh digunakan untuk sebarang acara, taman permainan kanak-kanak, kafe dan gimnasium.

"Selain itu, lokasi hotel ini yang terletak di bangunan komersial Cameron Fair, menjadikannya lebih strategik kepada pengunjung kerana lebih banyak kedai dan pusat beli-belah bakal dibuka.

"Malah, syarikat korporat dari Pahang dan Perak termasuk di Lembah Klang boleh menggunakan perkhidmatan kami untuk sesuatu upacara," katanya.